

Peruntukan bayaran balik cukai LHDN RM4 bilion

Putrajaya: Kerajaan meningkatkan peruntukan daripada RM2 bilion kepada RM4 bilion bagi mempercepatkan pembayaran balik yang masih tertunggak kepada pembayar cukai, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu kerana kerajaan tidak sepatutnya berhutang dengan rakyat, justeru Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) akan mula membuat bayaran balik secara berperingkat mulai hari ini kepada pembayar cukai yang layak.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata Kementerian Kewangan sedang meneliti keperluan menambah peruntukan berkenaan sekiranya RM4 bilion itu masih tidak mencukupi.

“(Jika) belum cukup. Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican, sedang meneliti bersama ketua pegawai eksekutif LHDN untuk melihat bagaimana jumlah ini harus ditambah.

“Ini soal MADANI, soal ihsan dan hormat. Ini soal moral juga. Kita harus kutip dan yang berhutang dengan negara harus cepat membayar. Jangan jadi amalan dahulu,” katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, peningkatan peruntukan itu diumumkan susulan rungutan peniaga kecil berhubung kelewatan bayaran balik cukai.

Mengenai kedudukan hutang negara, Anwar menjelaskan ia adalah hutang yang diwarisi pentadbiran terdahulu dan tidak boleh diselesaikan dalam masa singkat.